

# **Aplikasi Pendekatan Pembelajaran Kolaboratif Untuk Meningkatkan Interaksi Berkesan Semasa Sesi Perbincangan Dalam Kumpulan Pelajar Ting. Enam atas Sains**

**Fareed Abdullah**

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian tindakan ini dijalankan adalah untuk meningkatkan interaksi berkesan sesama pelajar tingkatan Enam Atas Sains semasa sesi perbincangan dalam kumpulan. Untuk tujuan tersebut guru akan memperkenalkan pendekatan *Pembelajaran Kolaboratif* pada sesi perbincangan kumpulan pelajar. Guru telah menggunakan borang soal-selidik untuk mendapat gambaran awal situasi perbincangan dalam kumpulan pelajar dari perspektif pelajar. Melalui analisa respon pelajar dalam borang soal-selidik dan pengamatan oleh guru beberapa kelemahan sedia ada kumpulan perbincangan pelajar telah dapat dikenalpasti. Guru telah memperkenalkan pendekatan Pembelajaran Kolaboratif untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti. Hasilnya pendekatan yang digunakan berjaya mengubah sikap pelajar serta gaya pembelajaran pelajar. Pelajar dilihat lebih bersedia dan bersemangat untuk bekerja dalam satu kumpulan. Pelajar seronok untuk berkongsi idea dan pendapat dalam kumpulan perbincangan pelajar. Ini secara langsung menunjukkan telah berlaku interaksi berkesan dalam kumpulan perbincangan pelajar.

## **1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG LALU**

Kaedah pembelajaran dengan menggunakan pendekatan perbincangan dalam kumpulan merupakan antara kaedah yang sering digunakan oleh guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas. Ini kerana kaedah ini secara terorinya dapat menggalakkan pelajar untuk mengemukakan idea dan pendapat secara bebas. Walaubagaimanapun sejak kebelakangan ini penggunaan kaedah ini secara praktikalnya di kelas dilihat mempunyai beberapa kekangan dan kelemahan. Antaranya dapat dilihat seperti dalam senario berikut :

*Senario 1* : Jika guru memberi tugas untuk dibincangkan di dalam kumpulan, pelajar secara individu membawa gaya pembelajaran masing-masing ke dalam kumpulan. Ini menyebabkan setiap ahli kumpulan bertindak dan berfikir mengikut kemampuan masing-masing dan bukannya secara kolektif. Idea dan pendapat tidak dapat dikongsikan dengan ahli kumpulan yang lain.

*Senario 2* : Perbincangan dalam kumpulan dimonopoli oleh sekumpulan pelajar sahaja manakala pelajar lain lebih bersikap pemerhati dan mengambil pendirian tunggu dan lihat.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa tidak berlaku interaksi berkesan sesama pelajar di dalam kumpulan perbincangan menyebabkan kumpulan perbincangan gagal berfungsi sebagai satu unit. Persoalannya bagaimanakah keadaan ini boleh diatasi agar suasana P&P di dalam kelas menjadi lebih menarik, bervariasi serta tidak membosankan guru dan pelajar.

## **2.0 ISU KEPRIHATINAN YANG DIKAJI**

Untuk mendapat gambaran awal mengenai situasi yang berlaku di dalam kumpulan-kumpulan perbincangan pelajar, guru telah mengadakan perbincangan secara terbuka dengan pelajar serta menggunakan borang soal selidik. Hasilnya guru dapat mengenalpasti kelemahan sedia ada iaitu ;

- (i) Individu pelajar kerap kali membawa gaya pembelajaran masing-masing ke dalam kumpulan perbincangan.
- (ii) Individu pelajar gagal untuk memainkan peranan mereka secara efektif di dalam kumpulan perbincangan.
- (iii) Tidak berlaku tolak ansur dalam kalangan pelajar semasa membentangkan idea dan pendapat. Perbincangan dimonopoli oleh segelintir pelajar sahaja menyebabkan ahli kumpulan lain terasa terasing.

Peluang membuat kajian tindakan pada kali ini akan digunakan sepenuhnya oleh guru untuk memperkenalkan pendekatan Pembelajaran Kolaboratif bagi memperbaiki kaedah pembincangan kumpulan pelajar. Berdasarkan kajian-kajian lepas, pendekatan ini terbukti dapat membantu mengaktifkan aktiviti perbincangan kumpulan pelajar. Interaksi berkesan sesama ahli kumpulan akan dapat menghasilkan output yang berkualiti.

## **3.0 OBJEKTIF**

*Objektif Umum :*

- Pendekatan Pembelajaran Kolaboratif yang dipraktikkan oleh pelajar semasa perbincangan kumpulan memberi impak yang positif terhadap sikap dan gaya pembelajaran pelajar.

*Objektif Khusus :*

- Interaksi dua hala/interaksi berkesan berlaku dalam kalangan ahli kumpulan semasa sesi perbincangan.
- Kumpulan perbincangan pelajar dapat diaktifkan semula melalui penglibatan secara menyeluruh pelajar.

#### **4.0 KUMPULAN SASARAN**

Kajian tindakan ini akan melibatkan seramai 11 orang pelajar tingkatan Enam Sains SMK Majakir Papar.

#### **5.0 PELAKSANAAN KAJIAN**

##### **5.1 Tinjauan Masalah**

Melalui pengamatan secara rawak guru, didapati sejak kebelakangan ini pelajar tidak berminat untuk membuat tugas yang perlu dilakukan melalui perbincangan kumpulan pelajar. Segelintir pelajar menunjukkan sikap acuh tak acuh untuk menyelesaikan tugas yang diberi. Jika perbincangan dalam kumpulan diadakan, sering kali berlaku situasi iaitu sesi perbincangan gagal mencapai sasaran / objektif perbincangan yang telah ditetapkan. Ini diakui sendiri oleh pelajar yang mengalami situasi sedemikian setiap kali kaedah perbincangan dalam kumpulan digunakan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas. Kesannya pelajar mula tidak berminat dan bosan dengan proses pembelajaran mereka.

##### **5.2 Analisis Tinjauan Masalah**

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai situasi yang berlaku di dalam kumpulan-kumpulan perbincangan pelajar, guru telah mengadakan perbincangan secara terbuka dengan pelajar serta menggunakan borang soal selidik. Hasilnya guru dapat mengenalpasti beberapa punca kelemahan kumpulan perbincangan pelajar antara ialah ;

- (i) Individu pelajar kerap kali membawa gaya pembelajaran masing-masing ke dalam kumpulan perbincangan.
- (ii) Individu pelajar gagal untuk memainkan peranan mereka secara efektif di dalam kumpulan perbincangan.
- (iii) Kurang sikap bertolak ansur dalam kalangan pelajar semasa membentangkan idea dan pendapat.
- (iv) Perbincangan dimonopoli oleh segelintir pelajar sahaja menyebabkan ada ahli kumpulan berpendapat idea mereka tidak penting dan

kehadiran mereka hanya sebagai pelengkap kepada bilangan ahli dalam kumpulan.

### 5.3 Tindakan Yang Dijalankan

Sepanjang tempoh kajian ini dijalankan sebanyak 3 sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah perbincangan kumpulan dengan pendekatan *Pembelajaran Kolaboratif* telah dilaksanakan.

Sesi yang pertama merupakan sesi pengenalan secara teori dan praktikal terhadap pendekatan yang akan digunakan semasa sesi perbincangan kumpulan. Penekanan yang lebih diberi pada kebaikan yang boleh diperolehi melalui *Pembelajaran Kolaboratif*. Dalam sesi ini juga guru akan membuat penegasan mengenai peranan utama yang akan dimainkan oleh guru dan setiap ahli dalam kumpulan. Beberapa peraturan asas akan dibentangkan untuk di beri perhatian oleh semua pelajar.

Dalam sesi yang kedua dan ketiga, guru akan memberi tugas yang berbentuk penyelesaian masalah untuk dibincangkan dalam kumpulan perbincangan pelajar. Setiap kumpulan perbincangan pelajar dikehendaki mempraktikkan apa yang telah dipelajari dalam sesi yang pertama dahulu semasa berbincang dalam kumpulan. Penglibatan setiap ahli kumpulan akan diakses oleh ahli kumpulan lain dan guru.

### 5.4 Perlaksanaan Tindakan dan Pemerhatian

#### 5.4.1 Perlaksanaan Aktiviti 1

**Pemerhatian** – Di peringkat awal respon yang ditunjukkan oleh pelajar kurang menggalakkan. Segelintir pelajar menunjukkan sikap tidak menyenangi idea serta pembaharuan yang cuba diketengahkan oleh guru. Ada pelajar secara terus terang mengatakan agak sukar untuk mereka mengubah gaya pembelajaran mereka. Walaubagaimanapun ada juga pelajar yang menunjukkan sikap optimistik terhadap idea yang diberi oleh guru.

**Refleksi** – Respon yang kurang menggalakkan dari pelajar diperingkat awal mungkin disebabkan oleh amalan pelajar yang suka belajar secara individu tetapi tidak secara berkumpulan. Pelajar juga mungkin beranggapan bahawa aktiviti ini akan melambatkan lagi proses pembelajaran mereka di kelas. Kegagalan sesi perbincangan kumpulan yang terdahulu menyebabkan ramai pelajar yang merasa kurang yakin dengan pendekatan yang cuba diperkenalkan oleh guru.

#### 5.4.2 Perlaksanaan Aktiviti 2

**Pemerhatian** – Sebanyak 3 kumpulan perbincangan telah dibentuk. Setiap kumpulan perbincangan diketuai oleh seorang ketua yang bertanggungjawab untuk memimpin topik perbincangan agar tidak tersasar dari objektif yang ditetapkan. Melalui pengamatan guru, sesi perbincangan di dalam setiap kumpulan perbincangan pelajar berlangsung dengan lancar sekali. Setiap ahli kumpulan mengambil bahagian yang aktif di dalam perbincangan. Terdapat seorang ketua kumpulan yang dilihat masih ragu-ragu untuk memainkan peranannya menyebabkan skop perbincangan menjadi kelam kabut dan tersasar dari fokus asal. Secara keseluruhannya setiap kumpulan pelajar berjaya menyelesaikan tugas yang diberi. Ketua-ketua kumpulan berpuas hati dengan penglibatan setiap ahli dalam kumpulan masing-masing. Hasil perbincangan secara terbuka antara guru dan pelajar selepas sesi perbincangan kumpulan menunjukkan bahawa setiap pelajar berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh pelajar lain.

**Refleksi** – Kumpulan perbincangan pelajar dapat menyudahkan tugas yang diberi kerana ada kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan. Kualiti hasil perbincangan kumpulan yang baik menunjukkan telah berlaku interaksi berkesan dalam kalangan ahli kumpulan. Selain daripada itu, variasi idea dan pendapat yang dikemukakan dari setiap kumpulan menunjukkan bahawa setiap idea dan pendapat yang dibentangkan dalam kumpulan dihargai dan diiktiraf oleh kumpulan. Ini merupakan satu bentuk apresiasi terhadap sumbangan pelajar yang pasti akan memberi motivasi dan meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar.

#### 5.4.3 Perlaksanaan Aktiviti 3

**Pemerhatian** – Pelajar bersemangat untuk mengadakan aktiviti perbincangan kumpulan. Ada pelajar yang mencadangkan agar aktiviti ini dijalankan dalam kumpulan yang bilangan ahlinya lebih ramai. Pelajar semakin selesa untuk menyumbang idea dan pendapat semasa sesi perbincangan dijalankan. Ketua kumpulan dapat mengawal topik perbincangan agar tidak tersasar dari objektif pembelajaran pada hari tersebut.

**Refleksi** – Majoriti pelajar semakin selesa dan mahir untuk berinteraksi dengan ahli kumpulan masing-masing. Kini pelajar lebih bersikap terbuka, boleh menerima teguran, kritikan dan berusaha untuk menyumbang sesuatu yang bermakna untuk kumpulan. Pelajar juga dilihat lebih mengutamakan prestasi kumpulan berbanding dengan pencapaian individu.

## 5.5 Refleksi Kajian

**Refleksi kajian terhadap pelajar** – Jika dilihat pada kepribadian pelajar, didapati pelajar kini menunjukkan beberapa sikap yang positif seperti; sikap menghormati pendapat pelajar lain, bersikap lebih bertoleransi, bersikap tidak mementingkan diri sendiri. Di samping itu pelajar juga menunjukkan keyakinan diri yang tinggi dan sebahagiannya telah dapat mengurangkan rasa rendah diri mereka.

Dari segi penglibatan pelajar didapati pelajar kini lebih proaktif, cenderung untuk mengemukakan serta berkongsi pendapat dan yang paling utama pelajar begitu selesa untuk interaksi antara satu sama lain semasa berbincang.

**Refleksi kajian terhadap guru** – Semasa melaksanakan Aktiviti 3, guru sebenarnya telah mengizinkan pelajar untuk menetapkan objektif yang hendak mereka capai dalam pembelajaran mereka pada hari tersebut. Hasilnya guru dapat merasa satu kepuasan apabila pelajar berjaya mencapai objektif pembelajaran mereka pada hari tersebut melalui aktiviti perbincangan dalam kumpulan. Terlintas di fikiran guru untuk memberi lebih banyak ruang kepada pelajar untuk menetapkan sendiri objektif pembelajaran yang hendak dicapai oleh pelajar pada masa akan datang.

## 6.0 CADANGAN DAN KAJIAN SETERUSNYA

Walaupun hasil yang diperolehi dalam kajian tindakan ini agak memberangsangkan namun masih terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh guru misalnya ;

- (i) Masih ada pelajar yang sukar berinteraksi dan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.
- (ii) Terdapat beza aras pencapaian pelajar yang agak besar. Ini menyebabkan kumpulan pelajar yang dibentuk adalah bersifat pelbagai kecerdasan. Situasi ini jika tidak ditangani dengan sebaik mungkin boleh menghalang proses interaksi yang berkesan dalam kumpulan perbincangan pelajar.

Untuk kajian yang seterusnya, guru bercadang untuk mengaplikasi pendekatan *Pembelajaran Kolaboratif* melalui perbincangan kumpulan pada pelajar-pelajar 4 sains pada tahun hadapan dengan mengambil kira kedua-dua aspek di atas.

## **BIBLIOGRAFI**

1. <http://www.teachersrock.net/kajian%20tindakan.htm>
2. <http://www.semestian.net/ghalib/?p=16>

3. <http://www.scribd.com/doc/2423915/PROPOSAL-KAJIAN-TINDAKAN>
4. <http://www.gdrc.org/kmgmt/c-learn/>
5. <http://www.thirteen.org/edonline/concept2class/coopcollab/index.htm>